

BAB 12

ETIKA DALAM ORGANISASI

CHE SU BT. MUSTAFFA

OBJEKTIF

Setelah mempelajari bab ini, anda akan dapat:

- mendefinisikan etika dan etika berkomunikasi dari pelbagai perspektif
- menyenaraikan kepentingan etika dalam berkomunikasi
- membincangkan etika dalam pelbagai konteks

PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan tentang etika secara umumnya dan etika dalam berkomunikasi secara khusus. Perbincangan meliputi aspek-aspek definisi organisasi dari pelbagai perspektif, etika berkomunikasi, kepentingan etika dalam berkomunikasi dan kesimpulan.

Etika sangat penting dalam kehidupan seharian kerana ia berhubung rapat dengan perlakuan manusia sama ada baik atau tidak baik. Bahkan kalau dilihat kemajuan dunia itu sendiri, ia merupakan sejarah perubahan dan perkembangan manusia daripada keadaan tidak beretika kepada keadaan beretika atau dengan erti kata lain daripada dunia yang tidak beradab kepada dunia yang lebih bertamadun.

Selain itu, etika telah wujud lama dalam pelbagai bidang. Misalnya, dalam bidang pengurusan, perubatan, perniagaan, komunikasi dan lain-lain lagi. Kewujudan kesemua etika ini adalah untuk memastikan segala perbuatan manusia, tingkah laku manusia dan sebagainya adalah betul dan waras. Perkhidmatan akan berjalan lancar apabila profesyen seperti komunikator, perbankan, kehakiman dan sebagainya mempunyai kod-kod etika masing-masing.

Seterusnya, etika bukan sahaja wujud dalam konteks kehidupan atau pekerjaan sahaja, malahan etika juga wujud dalam konteks komunikasi yang melibatkan pelbagai budaya. Tambahan lagi, etika juga

memainkan pelbagai peranan dalam komunikasi. Kewujudan etika komunikasi ini telah banyak membantu para komunikator semasa berinteraksi dengan seseorang atau pelbagai budaya itu. Dengan adanya etika ini, maka masyarakat yang terdiri daripada pelbagai budaya ini akan hidup dengan aman.

Definisi Etika

Etika didefinisikan sebagai norma, nilai, kaedah atau ukuran tingkah laku yang baik, manakala komunikasi ialah idea, pemikiran, nilai, sikap dan sebagainya, disalurkan dan dipindahkan serta dikongsi oleh individu dengan orang lain, ataupun proses ini berlaku di dalam diri individu sendiri. Dengan itu, maksud etika dalam komunikasi ialah nilai-nilai, ukuran tingkah laku yang baik terhadap proses individu-individu saling berkongsi maklumat dengan individu yang lain. Tambahan lagi, definisi etika ini boleh ditakrifkan atau dikemukakan dari pelbagai sudut iaitu secara umum, dari sudut Islam, dari sudut Buddha, dari sudut sekular barat dan sudut Hindu.

Dari sudut Umum

Menurut Wursanto (1987), kata etika sering disebut sebagai etik, atau *ethics* yang mengandungi banyak pengertian. Dari segi etimologi, istilah etika berasal dari kata Latin "ethius" dan dalam bahasa Yunani disebut "ethicos" yang bererti kebiasaan. Dengan demikian menurut pengertian yang asli, yang dikatakan baik itu apabila sesuai dengan kebiasaan masyarakat. Kemudian lambat laun pengertian ini berubah, bahawa etika adalah suatu ilmu yang membicarakan masalah perbuatan atau tingkah laku manusia, di mana ia dapat dinilai dengan baik dan mana yang dapat dinilai dengan tidak baik.

Menurut Grassien (1992), Montague (1992) dan Whit (1992), perkataan etika dan moral juga adalah saling berkait, dan ramai penyelidik dalam bidang ini serta ahli-ahli falsafah sering menggunakan maksud yang sama bagi kedua-dua perkataan ini. Secara umumnya, etika ialah mengenai apa itu betul dan apa itu salah (White, 1992). Secara khususnya pula etika ialah satu kajian falsafah mengenai moraliti, iaitu keperilakuan yang betul, sifat-sifat yang bermoral, obligasi, kebertanggungjawaban, keadilan sosial dan kehidupan yang baik secara keseluruhannya (Grassien, 1992).

Menurut White (1992) lagi, etika mempunyai tujuan untuk menilai tindak tanduk manusia, sama ada apa yang dilakukan itu betul atau salah dengan berpandukan kepada piawaian etika atau piawaian moral manusia serta masyarakatnya. Lantaran etika mempunyai tujuan ini, maka apa yang penting dalam etika ialah harus terdapat piawaian yang tepat serta bersesuaian untuk dijadikan asas untuk perbandingan. Jikalau asas ini melencong dari apa yang difahami

sebagai "baik", "harus" atau "boleh", maka ia tidak dapat memberi asas kepada penilaian etika.

Menurut Buchholz (1989), etika ialah satu persoalan untuk memahami apa yang dapat membentuk kehidupan yang baik dan sesuatu urusan untuk mencapai kehidupan yang lebih sempurna. Selain itu, etika juga merupakan filsafat praksis manusia. Seterusnya merujuk kepada Harris (1992), etika ialah penerimaan piawaian dalam bentuk peribadi atau kebajikan sosial yang dipercayai sebagai benar, apa yang dirasai sebagai betul dan sesuai dengan kepercayaan agama serta sesuai dengan peraturan.

Thomassen (1992), pula mendefinisikan etika ialah untuk mengelak dan menyelesaikan konflik dengan cara yang bertamadun. Toffler (1986) pula memberikan makna kepada etika untuk menyesuaikan diri dengan piawaian yang ditetapkan dalam sesuatu profesion atau kumpulan dan betul atau salah dalam sikap dan tindakan individu. Dalam buku "Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam" pula, etika ialah tanggungjawab seseorang atau profesion terhadap masyarakat.

Menurut Solomon (1984), etika dibahagikan kepada dua kategori iaitu perwatakan individu termasuklah apa yang dimaksudkan sebagai insan soleh (*good person*) dan peraturan masyarakat (*social rule*) berfungsi mengatur dan mengawal perlakuan manusia terutamanya peraturan yang mutlak mengenai perlakuan betul atau salah.

Terdapat dua cabang dalam kajian falsafah mengenai etika yang mempelajari pandangan-pandangan dan persoalan-persoalan yang berhubung dengan masalah kesusilaan, dan kadangkala orang memakai istilah falsafat etika, filsafat moral, atau filsafat susila. Dengan demikian dapat dikatakan, etika ialah penyelidikan filosofis mengenai kewajiban-kewajiban manusia, dan hal-hal yang baik dan buruk. Etika adalah penyelidikan filsafat bidang moral.

Kajian pertama ialah kajian yang berbentuk diskriptif dan kajian kedua ialah kajian yang berbentuk saintifik. Kajian yang diskriptif lazimnya mengenalpasti secara perihalan perlakuan, gelagat serta perbuatan yang beretika atau yang tidak beretika, manakala kajian yang berbentuk saintifik menggunakan pentaakulan falsafah bagi menentukan sama ada sesuatu perbuatan itu beretika atau sebaliknya. Diskriptif etika juga ialah gambaran atau lukisan tentang etika. Grassien (1992) seterusnya membahagikan kajian saintifik mengenai etika kepada dua bahagian; iaitu etika normatif dan metaetika. Etika normatif merupakan percubaan untuk membekalkan jawapan-jawapan yang sistematik dan mempunyai justifikasi terhadap persoalan-persoalan etika serta norma-norma tertentu tentang etika agar seseorang dapat dikatakan bermoral. Manakala metaetika pula adalah kajian falsafah mengenai etika. Ia meneliti ke dalam makna

dan logik mengenai persoalan etika, menggariskan prinsip-prinsip etika serta membekalkan asas bagi taakulan etika (ethical reasoning).

Dari sudut Agama Islam

Agama Islam telah mendefinisikan etika sebagai nilai akhlak atau prinsip moral yang berdasarkan Al-Quran dan Hadis. Sesuatu yang tidak berdasarkan kedua-dua sumber ini bukanlah etika bagi Islam. Segala yang baik dan buruk, betul atau salah, boleh dan tidak boleh dan seumpamanya sudah ditentukan. Begitu juga dengan suruhan dan tegahan yang semuanya sudah jelas dan disebutkan dengan nyata.

Seterusnya, etika merupakan satu daripada asas agama, maka etika atau akhlak itu sangat penting dalam Islam. Tidak hairanlah kalau sebahagian besar daripada ajaran Islam tertumpu kepada pembentukan dalam semua aspek kehidupan yang berhubung dengan diri, keluarga, masyarakat dan tuhan dalam usaha membawa manusia menuju matlamat yang telah ditetapkan. Bagi Islam, etika mesti menyentuh semua bentuk perilaku manusia semasa hidup di dunia ini sama ada positif atau negatif seperti yang dinyatakan di atas.

Dari sudut Ajaran Buddha

Ajaran Buddha telah menekankan etika itu mesti berdasarkan karma (tindakan-kesan) yang merupakan peraturan alam yang tidak berubah. Ia menjelaskan bahawa setiap orang bertanggungjawab ke atas tindakan yang dilakukan sama ada baik atau buruk, manakala tindakan yang berdasarkan kebijaksanaan seperti menyayangi, murah hati dan usaha gigih adalah baik. Sementara itu, baik atau buruk sesuatu tindakan dapat dinilai melalui pemikiran, percakapan dan perlakuan seseorang.

Dari sudut sekular Barat

Sekular Barat telah mendefinisikan etika itu adalah persoalan falsafah mengenai baik atau buruk, betul atau salah, boleh atau tidak boleh, benar atau palsu. Oleh sebab falsafah itu merupakan pemikiran manusia, maka ianya berbeza-beza. Lantaran itu, pelbagai mazhab falsafah menghasilkan pelbagai pandangan mengenai etika. Jadi, untuk mendapatkan gambaran yang jelas, ia perlu dirujuk kepada pemikiran induk.

Seperti yang dinyatakan terdahulu, manusia di barat mula bebas berfikir setelah pengaruh gereja lemah. Mereka tidak lagi terkongkong dengan fahaman agama dan ruangnya tidak terbatas. Mereka bebas sepenuhnya untuk mengeluarkan pandangan dan idea. Hasilnya pelbagai falsafah muncul dengan pelbagai 'isme' iaitu idealisme, realisme, pragmatisme dan existentialisme. Setiap satunya

mempunyai fahaman yang tersendiri mengenai sudut-sudut kehidupan manusia yang merangkumi etika.

Dari sudut Agama Hindu

Agama Hindu telah mendefinisikan etika itu adalah hukum semula jadi di mana ia mesti dipatuhi oleh manusia kerana manusia itu adalah sebahagian daripada alam semulajadi ini. Kemuncak segala kebaikan akan wujud apabila seluruh kehidupan di dunia dapat merasai nikmat yang diberi oleh alam semesta. Ini pula tercapai apabila terjadinya satu keharmonian menyeluruh dalam hukum alam ini. Dalam erti kata lain, peraturan sosial dan moral manusia berhubung rapat dengan peraturan alam. Ia tidak boleh keluar daripada batasannya. Jika manusia ingin memperoleh kesempurnaan dan kebahagiaan hidup, mereka perlu menyedari hakikat ini dan patuh kepada kehendak alam. Hindu ini lebih menekankan kepada konsep-konsep etika seperti *purusyartha*, *asyrama*, *dharma* dan *karma*.

Etika Komunikasi

Richard Johannesen (dalam Jaksa & Pritchard (1994)), telah mengenalpasti beberapa aspek utama yang patut mengambil kira tentang etika komunikasi. Antara aspek utama yang patut mempertimbangkan etika ialah komunikasi interpersonal, komunikasi dalam kumpulan, komunikasi dalam organisasi, komunikasi politik, kod-kod etika, periklanan dan media penyampaian berita. Setiap aspek ini boleh dibahagikan kepada sub-sub bahagian yang berlainan tetapi pembahagian kepada sub-sub bahagian ini adalah bertindih dengan kategori komunikasi.

Seterusnya, ramai orang telah bersetuju kepada sifat umum yang terdapat dalam etika komunikasi yang dikemukakan oleh Johannesen's (1994) iaitu isu-isu etika yang berlaku semulajadi dalam komunikasi. Sebagai contoh ialah tahap komunikasi antara manusia di mana komunikasi itu boleh membuat pertimbangan ke atas dimensi yang betul atau salah, ia melibatkan kepentingan yang positif yang boleh mempengaruhi manusia, dan bagi tahap komunikator untuk memilih untuk mengakhiri sesuatu porses komunikasi, komunikator itu mesti cuba mencari tahap penamatan komunikasi yang lebih baik.

Tambahan lagi, kesedaran tentang keluasan atau kadar komunikasi yang sewajarnya itu adalah berkaitan dengan etika komunikasi. Kita mesti mengecilkan atau menyempitkan fokus kita dalam etika komunikasi ini. Sebagai contohnya, kita mungkin akan berbohong atau melakukan penipuan untuk sesuatu ingatan dan perhatian. Di mana kita akan menyakinkan topik pembbohongan atau penipuan itu adalah penting dalam semua bidang komunikasi. Keyakinan itu adalah dalam menguji dimensi etika komunikasi dan penipuan pula boleh membekalkan

model untuk menguji dimensi etika dalam pelbagai komunikasi yang tidak melibatkan penipuan. Dengan ini, kita mesti pandai memilih topik perbincangan yang sesuai.

Kepentingan Etika Dalam Komunikasi

Selepas mengetahui definisi etika dan etika komunikasi di atas perlulah mengetahui kepentingan etika dalam komunikasi. Apabila kita sedang berkomunikasi dengan orang yang lain, kita haruslah beretika. Ini kerana apabila kita beretika semasa berkomunikasi dengan orang lain, kita akan mengelakkan masalah-masalah seperti konflik, salah faham dan campur tangan luaran, mengeratkan hubungan lebih memahami budaya lain, dapat mengawal tingkah laku seseorang, dan memajukan atau melancarkan proses komunikasi.

Mengelakkan konflik atau salah faham

Apabila kita berkomunikasi dengan orang lain, mungkin kita akan mengalami perselisihan atau pertentangan dengan orang lain. Jika kita beretika semasa berkomunikasi, kita akan mengelakkan konflik antara satu sama lain, dan dapat hidup dalam keadaan yang aman damai.

Konflik mungkin melibatkan pergeseran antara anggota atau antara kumpulan, dan kesannya mungkin menimbulkan permasalahan yang kecil atau konsekuensi rumit yang mempengaruhi produktiviti individu dan prestasi kumpulan secara menyeluruh. Konflik berlaku seandainya pihak yang terlibat cuba menghalang pihak yang lain dari memenuhi hasrat mereka. Dibalikannya, jika seseorang beretika, konflik akan dielakkan, persefahaman boleh menimbulkan dalam sesuatu kumpulan untuk mencapai matlamat mereka. Selain itu, jika kita beretika semasa berkomunikasi, kita akan bertimbang rasa dan munasabah, supaya dapat mengelakkan salah faham antara satu sama lain dalam sesuatu kumpulan.

Contohnya, banyak konflik yang berlaku disebabkan masalah komunikasi dan juga perbezaan hierarki dari segi pandangan dan matlamat pihak-pihak terlibat. Yang penting, kita perlu membezakan konflik dari pegangan atau pendapat. Mengenal pasti punca konflik adalah penting bagi seseorang yang beretika kerana ia merupakan langkah pertama dalam usaha menangani konflik. Jika kita dapat mengamalkan sikap etika dalam berkomunikasi, mungkin kita dapat mengelakkan konflik atau salah faham antara satu sama lain.

Mengeratkan hubungan

Individu yang beretika akan mengambil kira apa yang terjadi terhadapnya dan akan mengeratkan hubungan dengan individu yang lain untuk hidup bersama. Individu-individu ini akan memikirkan bagaimana untuk menjalin hubungan yang baik dan bagaimana berinteraksi dengan individu-individu yang lain dalam situasi yang bersopan-santun, dan bekerjasama dalam melakukan sesuatu tugas.

Etika dalam berkomunikasi dapat melahirkan individu yang bersopan dan ikhlas, misalnya dalam suatu sesi suaikenal, seseorang dapat mengenali antara satu sama lain dengan rakan-rakan baru dan juga dapat mengeratkan hubungan mereka. Dalam proses berkomunikasi, mereka dapat saling menukar pandangan, berkongsi matlamat, pengalaman serta pembelajaran mereka dengan rakan-rakan yang baru. Apabila mereka dapat berhubung dengan erat, maka mereka dianggap mengamalkan etika dalam berkomunikasi.

Lebih memahami budaya lain

Kita tahu bahawa negara kita merupakan sebuah negara yang berbilang kaum dan berbilang budaya. Budaya ini adalah sangat luas iaitu ia merangkumi cara berfikir, cara hidup, dan cara bertindak dalam seluruh kehidupan sesuatu masyarakat. Dengan perkataan yang lain, konsep budaya di sini kita gunakan seperti di mana dalam konteks ilmu antropologi, iaitu seluruh cara hidup masyarakat itu didefinisikan sebagai budayanya. Dengan itu, budayalah yang menentukan bahawa kita mempelajari, memahami dan menggunakan satu bahasa yang sama.

Budaya yang berlainan mempunyai cara hidup masyarakat yang berlainan. Lantaran budaya-budaya yang berbeza mempunyai lapangan-lapangan rujuk, nilai-nilai, kepercayaan, norma-norma atau amnya, cara hidup yang berbeza, maka adalah agak sulit bagi seseorang dari satu budaya untuk berkomunikasi dengan baik dan licin dengan seseorang dari budaya lain tanpa terlebih dahulu mempelajari dan memahami kebudayaan orang lain itu. Tanpa pemahaman kebudayaan yang baik antara orang yang berlainan kebudayaan, komunikasi mereka akan retak. Dengan itu, etika dalam berkomunikasi amat penting untuk mendorong individu-individu untuk memahami budaya-budaya orang lain.

Akhirnya, semakin manusia maju semakin ramai pula manusia berjalan dan mengembara keluar dari masyarakat dan budayanya, semakin berlaku kesalahfahaman yang berpunca dari salah tafsir situasi komunikasi. Jika kita beretika semasa berkomunikasi dengan orang lain, kita akan mengelakkan

pertembungan antara ahli-ahli yang berbagai budaya, dan dapat lebih memahami budaya-budaya lain. Selain itu, pertembungan budaya juga merupakan komunikasi silang budaya atau komunikasi antarabangsa.

Sebagai panduan pelajaran

Kepentingan etika dalam berkomunikasi adalah suatu yang tidak dinafikan. Dalam proses melaksanakan tugas harian, peranan komunikasi adalah penting disebabkan seseorang dapat berinteraksi, bertukar fikiran dan menikmati perkembangan teknologi semasa yang sering berubah mengikut arus masa. Seterusnya, etika memainkan peranan yang sangat penting iaitu sebagai satu panduan pelajaran dalam berkomunikasi.

Apabila berlakunya sesuatu masalah semasa individu berkomunikasi untuk menjalankan tugas, etika dapat digunakan untuk membantu menyelesaikan masalah tersebut. Contohnya, apabila berlakunya sesuatu krisis di dalam organisasi berpotensi mengancam kejatuhan organisasi dengan wujudnya kepercayaan publik terhadap elemen-elemen yang dibawa oleh organisasi tersebut. Pengamal perhubungan awam harus diberi kepercayaan oleh pihak pengurusan atasan untuk terlibat sama dalam membuat sebarang keputusan mengenai organisasi terutamanya dalam menangani fenomena krisis.

Dengan itu, etika dalam berkomunikasi akan secara automatik diamalkan oleh pengamal perhubungan awam sebagai satu panduan dalam langkah-langkah yang boleh diambil sebelum, semasa dan selepas krisis seperti mendapat kepercayaan dengan pihak pengurusan atasan, mempunyai hubungan yang baik dengan publik dalaman, memelihara hubungan baik dengan media, memupuk rasa tanggungjawab terhadap publik luaran, menyampaikan maklumat yang benar, proaktif, kreatif dan rasional dalam pembentukan tindakan komunikasi, berpengetahuan dalam era teknologi maklumat terkini, mempunyai kemahiran komunikasi serta jujur dan ikhlas dalam segala tindakan dan pengucapan.

Mengawal tingkahlaku manusia

Etika dalam komunikasi juga penting untuk mengawal tingkah laku manusia. Peranan maklumat, isyarat atau simbol penting dalam usaha kita mengukur proses komunikasi. Kejayaan komunikasi bergantung sejauhmana kita mempunyai orientasi yang sama terhadap sesuatu maklumat atau sejauhmana kita dipengaruhi oleh maklumat yang sampai kepada kita. Komunikasi merupakan satu cara bagaimana individu mencari dan menyebarkan maklumat tentang realiti keadaan di sekelilingnya agar ia dapat mengawal atau memandu perjalanan hidupnya sama

ada secara sendirian ataupun secara kelompok dengan orang lain. Akhirnya, etika dalam berkomunikasi dapat membantu mengawal tingkah laku yang digerakkan oleh individu untuk mencari dan menyebarkan sesuatu maklumat.

Contohnya, seseorang pelajar gagal dalam peperiksaannya. Beliau akan menilai keadaannya dan cuba mencari punca yang menyebabkan gagal. Setelah mengetahui punca-punca kegagalannya, pelajar itu akan cuba mengatasinya dengan mencari maklumat yang diperlukan seperti bagaimana untuk mendapatkan lebih banyak bahan-bahan rujukan. Apabila dia bertanya dengan rakan atau pensyarah tentang bagaimana untuk mencari bahan bacaan, maka dia telah melakukan tingkah laku komunikasi. Dalam situasi ini, jelaslah bahawa jika seseorang individu yang beretika dalam berkomunikasi beliau dapat mengawal tingkah laku manusia daripada melakukan sesuatu perkara yang negatif.

Memajukan atau melancarkan proses komunikasi

Kepentingan etika dalam komunikasi juga dapat memajukan atau melancarkan proses komunikasi. Ini adalah kerana komunikasi boleh berlaku di mana-mana saja. Apabila kita berkomunikasi amat sukar untuk kita menentukan bilakah permulaan komunikasi kita dan bila pula ia berakhir. Walau bagaimanapun, kejadian atau peristiwa yang berlaku hasil daripada proses komunikasi adalah teratur dan tetap.

Dikatakan bahawa etika dapat memajukan proses komunikasi, disebabkan kita tidak dapat mengetahui sama ada sesuatu idea itu datang daripada satu sumber yang tertentu atau idea datang daripada berbagai sumber. Misalnya, apabila kita berbual dengan seorang rakan yang lama kita tidak berjumpa. Adakah komunikasi antara kita dengan rakan itu baru sahaja bermula ketika itu ataupun merupakan kesinambungan daripada komunikasi dan pengalaman yang berlaku sejak lama dahulu? Mungkin kita tidak akan berinteraksi seperti dahulu kerana terlalu lama tidak berkomunikasi antara satu sama lain. Namun, jika kita mempunyai etika dalam berkomunikasi, mungkin etika itu dapat membantu kita memajukan atau melancarkan proses komunikasi kita.

Dalam perbualan itu, mungkin mula-mulanya tidak tahu bagaimana untuk memulakan suatu percakapan, mungkin kedua-dua pihak akan saling bersalam dengan bersopan dan seterusnya proses komunikasi akan dijalankan dengan perbualan seperti bertanya khabar, apa yang telah berlaku pada mereka dan sebagainya. Perbualan yang kasar tidak akan berlaku dalam situasi itu, seperti "oi, kamu pergi mana?", dan pertanyaan-pertanyaan yang kurang sopan. Dengan mengamalkan etika

dalam komunikasi, kita dapat memajukan atau melancarkan proses komunikasi kita dengan baik.

Peranan Etika Komunikasi

Peranan etika komunikasi perlu diberi perhatian kerana etika dapat merapatkan hubungan dengan budaya orang lain. Antara peranan-peranan etika komunikasi seperti berikut:

Memperkuatkan dan memperkukuhkan norma-norma masyarakat

Dalam memperkuatkan dan memperkukuhkan norma masyarakat, etika memainkan peranan yang penting. Apa yang dimainkan oleh etika komunikasi dalam menjalankan peranan ini ialah memberi perhatian kepada tindakan-tindakan sosial komunikasi yang baik dan begitulah sebaliknya.

Kegiatan-kegiatan komunikasi yang selari dengan norma-norma masyarakat akan dipuji dan disokong. Etika komunikasi yang mantap dalam sesebuah masyarakat secara tidak langsung akan memperkuatkan dan memperkukuhkan lagi norma-norma masyarakat. Manakala kegiatan-kegiatan komunikasi yang melanggar dan bertentangan dengan etika komunikasi ini akan dikecam. Dengan cara ini, etika komunikasi akan menggalakkan penganutan norma-norma masyarakat yang wujud dan tidak menggalakkan mana-mana amalan atau tindakan komunikasi yang bertentangan dengannya.

Ini termasuklah juga kebolehan etika komunikasi itu dalam mengajar seseorang ahli masyarakat atau orang ramai menggunakan etika komunikasi atau cara berkomunikasi dengan betul dalam kehidupan bermasyarakat sehari-hari. Proses sosialisasi ini ialah satu proses di mana ahli masyarakat saling mempelajari aspek-aspek seperti kemahiran, norma, nilai dan sebagainya yang berkaitan dengan peranan yang akan dimainkan oleh individu dalam sesuatu masyarakat, terutamanya peranan dalam etika komunikasi.

Sebagai kod kepada cara berkomunikasi

Di dalam setiap budaya umumnya mempunyai kod komunikasi masing-masing (*code of conduct*). Kod arahan ini ialah satu bentuk himpunan ajaran-ajaran moral serta nilai yang dimiliki oleh setiap budaya. Kod etika komunikasi pula mengajar pengamalannya (individu yang berkomunikasi) tentang bagaimana untuk berkomunikasi dan bertutur dengan sekelilingnya sama ada

orang, alam sekitar, Tuhan dan sebagainya dalam kehidupan seharian mereka.

Ia juga mengajar manusia bagaimana untuk berkelakuan ketika berkomunikasi terhadap alam sekeliling. Setiap budaya secara umumnya, mempunyai kod komunikasi yang berbeza-beza tetapi sekiranya diteliti, terdapat beberapa ciri persamaan yang utama. Sebagai contoh terdapat peraturan di dalam semua budaya yang menyuruh setiap penganutnya berbuat kebaikan dalam berkomunikasi dengan orang lain sebagaimana mereka mahukan orang lain melakukan kebaikan terhadap mereka. Kod etika komunikasi ini juga menentukan perkara-perkara seperti tidak boleh bercakap semasa makan bagi masyarakat Cina, tidak boleh berbohong dalam masyarakat Melayu dan sebagainya.

Mengawal komunikasi yang akan berlaku dan sedang berlaku

Etika komunikasi yang wujud dalam proses komunikasi berperanan untuk mengawal komunikasi yang sedang dan akan berlaku. Ini kerana, dengan adanya etika komunikasi individu tidak akan berkomunikasi dengan cara yang tidak disukai, sukar difahami dan keterlaluan (*sensitivity*).

Etika komunikasi mengikat komunikator supaya mematuhi etika komunikasi yang wujud untuk memastikan komunikasi itu berjalan dengan lancar. Sekiranya seseorang komunikator itu melanggar etika komunikasi yang telah ditetapkan ia akan dianggap salah dan komunikasi terbabit tidak akan berkesan kerana tidak mendapat tindakbalas yang baik daripada penerima mesej. Begitu juga sekiranya seseorang itu berkomunikasi dengan cara yang tidak difahami oleh penerima mesej tersebut, proses ini tidak akan berjaya sama sekali. Ini jelas menunjukkan betapa pentingnya etika di dalam berkomunikasi yang akan dapat mengawal komunikasi yang sedang dan akan berlaku dan memastikan proses komunikasi terbabit berjaya.

Berperanan dalam mensosialisasikan ahli-ahli masyarakat

Peranan ini termasuklah kebolehan sesuatu etika komunikasi mengajar seseorang ahli masyarakat ataupun orang ramai menggunakan kaedah ataupun tingkah laku yang betul dalam kehidupan bermasyarakat sehari-hari (berkomunikasi). Proses sosialisasi ini ialah satu proses di mana ahli-ahli masyarakat saling mempelajari aspek-aspek seperti kemahiran, kepercayaan, norma-norma, nilai-nilai dan sebagainya yang berkaitan dengan peranan yang dimainkan oleh individu dalam berkomunikasi.

Umpamanya, ketika kita masih kecil, keluarga kita adalah kumpulan yang utama dan penting dalam proses sosialisasi awal

kita. Ibu bapa kita berperanan mengajar kita bagaimana harus bertindak ataupun melakukan sesuatu ketika berkomunikasi. Kita akan diajar bagaimana harus menghormati orang yang lebih tua ketika berkomunikasi. Walaupun, ahli-ahli keluarga akan mengajar kita apakah yang harus dilakukan apabila kita bercampur gaul dengan ahli-ahli masyarakat (cara berkomunikasi dengan betul).

Komunikasi dapat berjalan dengan lancar

Etika juga berfungsi sebagai salah satu alat di mana ia berfungsi supaya setiap komunikasi yang berlangsung di antara individu dan sekumpulan individu berjalan dengan lancar seperti yang dirancang. Contohnya dalam sesebuah perundingan antara individu atau negara, aspek-aspek etika perlu ditekankan bagi menghormati setiap budaya yang ada pada setiap individu atau negara yang kita jalankan perundingan. Sekiranya etika komunikasi tidak diamalkan oleh kedua-dua individu atau negara maka mungkin akan terjadi sesuatu yang tidak diinginkan jika salah satu pihak yang berunding tidak berpuashati dengan apa yang telah dikemukakan oleh pihak yang satu lagi.

Jika dilihat dari aspek lain, etika memainkan peranan penting supaya setiap komunikasi yang dijalankan akan berjaya seperti yang diharapkan. Di Malaysia sendiri sebenarnya mempunyai pelbagai budaya, inikan pula pelbagai negara yang terdapat di seluruh dunia tentu lebih banyak budaya dan amalan yang diamalkan.

Setiap negara tentunya mempunyai pelbagai budaya contohnya Melayu, Cina, India dan budaya barat yang begitu meluas sekali berbanding dengan budaya lain. Seharusnya kita juga tahu bahawa setiap budaya yang ada tentu mempunyai cara yang berbeza dalam berkomunikasi antara satu sama lain apatah lagi dengan individu atau negara yang berlainan budaya daripada mereka.

Seandainya kita tidak berkomunikasi dengan menggunakan etika yang betul seperti yang telah ditetapkan maka komunikasi yang berlaku mungkin mengalami masalah. Jika diambil contoh, dalam sesuatu mesyuarat yang dijalankan dan berlaku di kalangan negara yang berlainan budaya seperti barat dan Jepun maka di sini akan berlaku sedikit kekeliruan untuk memahami budaya yang diamalkan oleh negara masing-masing.

Oleh itu, setiap perkataan haruslah disempadani dengan betul dan tidak melanggar etika yang telah ditetapkan dalam kita berkomunikasi dengan individu yang berlainan budaya. Ini harus diambil berat supaya sewaktu berkomunikasi berlaku tidak terkeluar mana-mana perkataan yang boleh menyentuh

perkauman, diskriminasi atau kata-kata kesat yang boleh menjatuhkan atau mengaibkan mana-mana pihak yang terlibat.

Tambahan lagi, setiap individu dan negara yang terlibat dalam proses komunikasi haruslah menghormati antara satu sama lain supaya budaya yang diamalkan dapat merapatkan lagi hubungan antara negara dengan sama-sama cuba memahami budaya yang dipegang, dapat bertukar-tukar pendapat mengenai budaya dan idea yang sama-sama dapat diterima dan sekaligus dapat sama-sama mencapai matlamat yang diharapkan oleh kedua-dua pihak yang berkomunikasi. Jadi dengan itu juga kedua-duanya sama-sama berpuashati dari segala aspek yang dikomunikasikan.

Menghalang berlakunya konflik ketika berkomunikasi

Manusia tidak boleh hidup bersendirian dan saling memerlukan antara satu sama lain. Dalam hubungan dan interaksi (komunikasi) ini manusia akan bermuafakat jika perhubungan yang terjalin menguntungkan atau memberi faedah kepada kedua-dua pihak. Sebaliknya jika mendatangkan kesangsian atau percanggahan maka ketidakpuasan akan berlaku dan seterusnya membawa kepada konflik. Konflik umpama air, yang diperlukan pada setiap masa, tidak terlalu banyak atau sedikit tetapi pada kadar yang sederhana. Maka di sinilah pentingnya etika ketika berkomunikasi. Ini disebabkan ketika berkomunikasi konflik selalunya wujud mungkin disebabkan ketidakfahaman, rasa tidak puashati dan sebagainya.

Etika komunikasi ini sebenarnya adalah persoalan moral yang membicarakan tentang betul atau salah, benar atau tidak, dan apakah yang perlu dibuat atau ditinggalkan dalam berkomunikasi atau berhubungan. Walaupun masyarakat dalam negara masing-masing mempunyai asas-asas kehidupan yang bertamadun (cara komunikasi yang tersendiri), namun mereka gagal menyelesaikan perbezaan komunikasi yang wujud antara mereka.

Contohnya seperti konflik yang berlaku antara kuasa-kuasa besar iaitu Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet. Konflik ini teretus disebabkan perbezaan pegangan atau ideologi, di mana Amerika Syarikat memperjuangkan ideologi liberal demokrasi dan ekonomi bebas yang bertentangan dengan ideologi komunisme yang diterima oleh Kesatuan Soviet. Dalam hubungan tersebut, kedua-dua pihak berusaha memenangi hubungan tersebut. Masing-masing tidak mahu mengalah menyebabkan wujudnya konflik. Sebenarnya, konflik ini boleh dielakkan dengan cara kedua-dua pihak cuba untuk saling berinteraksi dan berkomunikasi antara satu sama lain (diplomasi), supaya setiap masalah yang timbul boleh diatasi bukannya dengan cara hanya mementingkan pihak sendiri sahaja. Konflik ini juga boleh dielakkan dengan cara

saling bertolak ansur di antara satu sama lain ketika berkomunikasi serta cuba untuk menerima cadangan atau idea masing-masing.

Sebagai pencegahan dan disiplin

Etika penting semasa berkomunikasi sebagai garis panduan untuk pencegahan dan disiplin. Etika berperanan semasa berkomunikasi dalam kehidupan manusia yang mana ia digunakan sebagai panduan tertentu dalam bentuk menyuruh, memperkatakan dan mengelakkan daripada memperkatakan perkara yang mendatangkan kesalahan sama ada yang melibatkan statusnya sebagai manusia ataupun sesuatu yang salah di sisi undang-undang.

Masyarakat Melayu contohnya mempunyai budaya yang membawa kepada pertuturan yang bertapis-tapis atau berbunga-bunga. Maksudnya, sesuatu perkara itu tidak dinyatakan secara jelas dan tepat tetapi menggunakan perkataan-perkataan yang simbolik dan berkias. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya peranan etika semasa berkomunikasi. Peribahasa yang berbunyi "*kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa*" dan "*terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya*" jelas memberi gambaran bahawa jika kita dengan sewenang-wenangnya menurut apa sahaja yang ingin kita tuturkan tanpa mempunyai kod etika yang menjadi panduan pertuturan kita, pastinya akan membawa implikasi yang tidak baik. Oleh yang demikian, kita harus mengingati bahawa kata-kata yang lahir dari pertuturan kita ini akan memberi gambaran personaliti kita di mata orang lain selain daripada bertujuan untuk menjaga dan mengekalkan hubungan baik yang sedia terjalin.

Etika ini penting semasa kita berkomunikasi kerana ianya merupakan "alat kawalan" sosial yang digunakan sebagai salah satu panduan dalam mendisiplinkan diri kita dan pertuturan kita ke arah yang lebih beretika. Di Malaysia umpamanya, lanjutan daripada perlunya etika dalam proses berkomunikasi dan lanjutan daripada kebebasan bersuara dan mengeluarkan pendapat [perkara 10 (1)], Perlembagaan Persekutuan, beberapa undang-undang diperuntukkan bagi menyekat kebebasan ini. Antara akta yang diterbitkan ialah Akta Hasutan 1984 (dipinda pada tahun 1971), Ordinan Fitnah 1957 dan beberapa akta lain yang mana ianya bukan hanya tertakluk kepada pertuturan (komunikasi interpersonal) bahkan kepada penggunaan media sebagai medium penyaluran maklumat.

Sebagai kesimpulannya, keberkesanan prinsip etika tertakluk pada individu itu sendiri. Tanpa disiplin diri dan kekuatan mental yang tinggi, seseorang itu tidak dapat mencapai tahap etika yang dikehendaki. Maka dapatlah disimpulkan bahawa etika itu wujud dalam diri seseorang itu dengan adanya disiplin dan

kekuatan diri individu itu sendiri. Maka jelaslah kepada kita bahawa tujuan etika berkomunikasi yang perlu ada dalam setiap individu adalah digunakan untuk diri dan masyarakat amnya.

Konteks Komunikasi Dalam Pelbagai Budaya

"*When in Rome, do as the Romans do*" bermaksud kita hendaklah mengikuti segala nilai, adat, kepercayaan, cara hidup dan sebagainya berkenaan penduduk tempatan di negara di mana kita berada. Ini sama sahaja dengan pepatah Melayu yang berbunyi "*masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang harimau mengaum*". Ini merupakan satu dilemma dalam komunikasi yang berlaku antara budaya di mana sesetengah daripada apa yang kita ikuti itu mungkin akan bercanggah dengan budaya kita sendiri.

Oleh itu wujud persoalan etika pada kedua-dua belah pihak yang berkomunikasi. Seseorang itu dikatakan beretika jika beliau mengikuti segala budaya di negara di mana beliau berada dan menyesuaikan diri dengan keadaan yang berlainan tersebut. Sebaliknya seseorang yang tidak menyesuaikan diri dengan budaya orang lain dan bertindak mengikut budaya asalnya beliau dianggap sebagai tidak beretika dari pandangan orang tempatan negara tersebut.

Filipina dan New Zealand

Bagi penduduk di Negara Filipina perbezaan taraf atau jawatan seseorang itu amat dititikberatkan. Sebagai contoh, jika seseorang peniaga dari New Zealand yang hendak menjalankan perniagaan dengan peniaga di Filipina, dia hendaklah mengakui taraf atau jawatan orang itu dengan jelas walaupun di negara New Zealand hubungan seseorang itu dengan orang lain tidak dibezakan mengikut jawatan atau kedudukan (Johns, 1996).

Di New Zealand, komunikasi antara pengurus pekerja adalah seperti biasa dan pekerja boleh melayan pengurus mereka seperti rakan-rakan yang lain. Sebaliknya di Filipina, pekerja bawahan mesti menunjukkan rasa hormat dan berhubung secara formal dengan pengurusnya. Oleh itu peniaga New Zealand yang sedang menjalankan rundingan perniagaan di Filipina patut mengadakan hubungan dengan lebih formal dengan rakan niaganya. Inilah menunjukkan seseorang itu dianggap tidak beretika jika tidak mengakui kedudukan dan jawatan seseorang di Filipina.

Malaysia dan Barat

Satu lagi contoh yang dapat menjelaskan dilema komunikasi yang berlaku dalam pelbagai budaya dan bagaimana etika

memainkan peranan dalam menyelesaikannya dapat dilihat dalam konteks pelancongan. Malaysia yang sedang pesat berkembang menjadi pusat pelancongan di rantau Asia ini dikunjungi oleh ramai pelancong-pelancong barat setiap tahun. Mereka gemar memakai pakaian yang pendek dan nipis dalam cuaca yang panas seperti di Malaysia.

Penduduk-penduduk di Malaysia pula telah biasa memakai pakaian yang menutup sebahagian besar tubuh badan. Jika dilihat dalam konteks menghormati budaya orang lain, pelancong-pelancong barat patut menghormati dan mengikuti walaupun tidak sepenuhnya budaya hidup masyarakat Malaysia dengan tidak memakai pakaian yang menjolok mata apabila berada di negara ini. Mereka dikatakan beretika jika memakai pakaian dengan kemas ketika berada di Malaysia atau negara Asia lain.

Amerika Syarikat dan Asia

Kebanyakan orang barat khususnya Amerika Syarikat amat mementingkan ketepatan masa (Catlin, 1994). Oleh itu apabila kita berada di Amerika Syarikat kita hendaklah menepati waktu. Kegagalan untuk menghadirkan diri pada waktu yang ditetapkan dianggap tidak beretika oleh orang-orang Amerika Syarikat. Jika kita lambat, kita hendaklah segera meminta maaf dan menjelaskan sebab kelewatan itu walaupun budaya kita mungkin menganggap lambat itu sebagai perkara biasa dan tidak perlu diberi penjelasan.

Jepun dan British

Peniaga di Jepun dan British mempunyai nilai yang berbeza terhadap pekerjaan mereka. Orang Jepun sangat mementingkan kerja mereka berbanding dengan orang British. Lantaran pandangan terhadap kerja itu sangat penting dalam hidup orang Jepun, mereka rela bekerja lebih masa. Biasanya pengurus Jepun sanggup bekerja sehingga lewat malam untuk menjayakan urusan mereka. Di Jepun ini merupakan sebahagian daripada kerja mereka. Konflik akan berlaku sekiranya orang British ditugaskan bekerja di Jepun tanpa memahami nilai kerja di Jepun.

Orang British yang tidak memahami nilai ini sudah tentu enggan bekerja sehingga lewat malam kerana dalam nilai kerja mereka waktu malam tidak digunakan untuk membincangkan urusan mereka. „Dalam situasi ini, orang British mungkin akan dianggap tidak beretika. Oleh itu, walaupun peniaga yang ditugaskan di Jepun ini merupakan seorang yang berkualiti di British akan menghadapi kegagalan dalam urusan mereka di Jepun. Justeru itu, untuk mencapai kejayaan dalam perniagaan di Jepun, pengurus British perlu memahami nilai kerja masyarakat Jepun sebelum

beliau bekerja di sana. Beliau perlu membuat pilihan sama ada ingin meneruskan kerja di Jepun dengan mempraktikkan nilai kerja mereka atau berhenti kerja di Jepun kerana nilai kerja di sana agak bercanggah dengan nilai etika masyarakat British.

Malaysia dan Jepun

Hubungan komunikasi Malaysia-Jepun^k bukanlah suatu perkara baru dalam sejarah. Berdasarkan penulisan-penulisan sejarah, hubungan Malaysia-Jepun telah terjalin sejak beberapa abad yang lalu dan kini ianya lebih dominan dalam aspek hubungan sosial dan bukan hanya dari aspek dagangan, politik dan ekonomi semata-mata. Hubungan Malaysia-Jepun ini bermula dengan hubungan perdagangan. Hubungan perdagangan antara kedua-dua negara ini bermula sejak zaman pemerintahan Shodun Asshigaka (1339-1573). Pedagang-pedagang dari kepulauan Okinawa singgah di pelabuhan Melaka yang ketika itu berperanan sebagai pelabuhan antarabangsa. Pada abad ke-17, kegiatan orang Jepun di seberang laut terus berkembang dengan pesatnya termasuklah mengadakan hubungan langsung dengan Tanah Melayu.

Selepas perang dunia kedua, hubungan perdagangan Malaysia-Jepun terus berkembang baik. Corak hubungan (komunikasi) Malaysia-Jepun banyak dipengaruhi oleh perkembangan perindustrian di Jepun. Dengan berlangsungnya Perjanjian Perdagangan Malaysia-Jepun pada 10 Mei 1960, Jepun telah mendapat peluang perdagangan yang baik di Malaysia. Dalam tempoh 1965-1970, hubungan perdagangan antara Malaysia dan Jepun tidak banyak berbeza jika dibandingkan dengan tempoh sebelum perang.

Selepas tamat Zaman Pendudukan Jepun, Jepun berusaha untuk mengeratkan semula hubungan diplomasi dan sosial dengan Malaysia. Jepun cuba untuk mengubah tanggapan negatif masyarakat di Malaysia (ketika itu Tanah Melayu) ke atas Jepun. Kesediaan pihak Jepun dalam menjernihkan hubungan antara kedua-dua pihak telah menunjukkan betapa pentingnya hubungan sosial (komunikasi). Ini terbukti apabila lawatan bekas Perdana Menteri Jepun, Nokusuke Kishi ke Tanah Melayu dan ini adalah petanda bermulanya hubungan sosial dan diplomasi antara dua buah negara ini. Ini adalah untuk mengeratkan hubungan yang baik dengan Jepun baik dari segi politik, ekonomi dan sosial.

Malaysia dan Jepun masih menjalinkan hubungan yang baik sama ada dari segi dagangan mahupun sosial. Hubungan yang berterusan dan bersih ini adalah kerana kedua-dua pihak iaitu Malaysia dan Jepun mengamalkan corak komunikasi yang hampir sama. Apa yang dimaksudkan dengan corak komunikasi yang

sama ini bukanlah dari segi bahasa tetapi dari segi penerimaan setiap mesej atau maklumat itu dan kesanggupan untuk bertolak ansur, di mana kedua-dua pihak saling mencuba untuk melengkapinya antara satu sama lain. Corak komunikasi sebegini adalah penting dalam memastikan hubungan yang terjalin akan berterusan dan harmoni.

Kini hubungan Malaysia dan Jepun bukan hanya sebagai hubungan antara penjajah dengan negara yang dijajah tetapi hubungan ini adalah berlandaskan keperluan untuk berkomunikasi dan saling berinteraksi (berkongsi masalah, idea dan kemahiran) di antara sebuah negara dengan negara yang lain. Hubungan ini dikatakan mencapai hubungan yang positif dan mampu memberikan keuntungan kepada kedua-dua pihak. Justeru itu, boleh dikatakan bahawa hubungan Malaysia dan Jepun merupakan hubungan yang amat perlu dan penting memandangkan kedua-duanya saling lengkap melengkapinya. Walaupun Malaysia merupakan sebuah negara kecil, namun Jepun tidak pernah memandang rendah kepada kemampuan negara. Perasaan ini adalah penting dalam menjalinkan hubungan antara sesama negara untuk memastikan hubungan dan komunikasi yang dijalankan akan berkekalan.

Malaysia dan Indonesia

Hubungan komunikasi yang baik di antara Malaysia dan Indonesia dipengaruhi oleh faktor rumpun bangsa, persamaan yang jelas daripada segi budaya dan agama serta kedudukan geopolitik antara kedua negara yang agak berdekatan. Faktor inilah yang menjadi elemen yang cukup penting dalam hubungan antara dua buah negara yang bertetangga ini. Maka tidak hairanlah sekiranya corak komunikasi di antara Malaysia dan Indonesia mempunyai persamaan (rakyat Indonesia dan Malaysia dianggap *easy going* dalam berkomunikasi dan berhubungan).

Hubungan interaksi berlandaskan dan berasaskan kepada rasa saling menghormati antara satu sama lain dan berprinsipkan setia kawan serumpun serta mempunyai latar belakang yang hampir sama telah menyebabkan hubungan ini berterusan walaupun kadang kala terdapat juga konflik dan masalah yang timbul. Namun disebabkan kedua-dua pihak ini mengamalkan dasar serumpun dan komunikasi yang sama maka masalah dan konflik ini tidak menjadi hal.

Contoh konflik dan masalah yang timbul adalah apabila wujudnya konfrontasi antara Malaysia dan Indonesia pada 1963 sehingga 1966. Ini menyebabkan hubungan Malaysia dan Indonesia menjadi keruh dan terputus, ditambah pula dengan sikap pemimpin Indonesia yang sering menuduh pemimpin Malaysia (salah tanggapan). Konfrontasi juga membuktikan perasaan

curiga-mencurigai antara pemimpin-pemimpin mengeneipkan hubungan istimewa yang terdapat antara Malaysia dan Indonesia seperti kedudukan geografi, talian etnik, agama, kebudayaan dan bangsa yang sepatutnya menjadi penyumbang utama yang mengikat erat hubungan antara Malaysia dan Indonesia.

Kemuncak kepada usaha-usaha tersebut, Perjanjian Pemulihan Persahabatan telah ditandatangani pada tahun 1966. banyak faktor yang menyumbang kepada kesedaran ke arah penamatan konfrontasi ini dan pemulihan hubungan komunikasi antara kedua-dua negara (pemimpin negara dikatakan lebih berdiplomasi dalam berkomunikasi). Antara yang penting ialah kesedaran yang timbul di kalangan pemimpin kedua-dua negara tentang peri pentingnya hubungan dan jalinan komunikasi yang baik.

Korea dan negara luar

Semua rakyat Korea berbicara dan menulis dengan bahasa yang sama, hal ini merupakan faktor yang penting sebagai identiti nasional mereka sebagai sebuah negara timur yang masih mengekalkan budaya yang diamalkan. Orang Korea moden mempunyai beberapa dialek yang berbeza termasuk satu piawai yang digunakan di Seoul dan wilayah pusat, tetapi kedua-duanya mirip antara satu sama lain sehingga individu yang berkomunikasi tidak menghadapi kesukaran untuk memahami antara satu sama lain.

Selama beberapa abad, Korea memelihara hubungan erat khususnya dengan negara jirannya China dan ianya banyak dipengaruhi oleh budaya atau politik berbanding hubungan Korea dan Jepun yang kurang baik kerana sikap Jepun yang sering berusaha melancarkan invansi ke atas wilayah tersebut. Hubungan Korea dengan dunia luas dalam pengertian yang sangat penting bermula setelah tertubuhnya Republik Korea 1948. Kemudiannya, hubungan dan konteks luar bermula agak lambat di mana ia bermula dengan bangsa-bangsa yang berkepentingan besar dengan Korea.

Diplomasi Korea pada ketika ini memfokuskan kepada penggalakan sumbangan antarabangsa dan memperluaskan peranannya pada peringkat antarabangsa. Sekarang Korea sedang memelihara hubungan besar dengan seluruh negara dan bekerja secara aktif untuk memperbaiki hubungan kerjasama dengan negara yang terlibat, contohnya Amerika dan Jepun yang merupakan musuh awal Korea. Dalam hal ini etika dan cara komunikasi yang baik harus ditekankan agar komunikasi yang berlaku berjalan dengan lancar seperti yang diharapkan.

Sekiranya tidak wujud etika dan corak komunikasi yang betul maka banyak perkara yang berlaku dalam proses memperbaiki hubungan Korea dengan negara-negara yang ingin dijalinan hubungan kerana masing-masing mempunyai cara komunikasi, budaya, amalan dan pegangan yang berlainan. Setiap negara harus mempunyai rasa tanggungjawab yang sewajarnya untuk sama-sama menghormati setiap pegangan yang ada agar tidak berlaku salah faham yang boleh menyebabkan konflik jangka panjang yang seringkali melibatkan perkara yang buruk seperti perang dan sebagainya.

KESIMPULAN

Etika memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan kita. Ia disebabkan dengan adanya etika, kita dapat berkomunikasi dan bertindak dengan sempurna dan mengelakkan konflik terutamanya berinteraksi dengan individu yang mengamalkan budaya yang berlainan. Kepentingan dan peranan etika budaya perlu diberi perhatian untuk meningkatkan keberkesanan komunikasi dan merapatkan hubungan dengan budaya orang lain. Dengan mengetahui kepentingan dan peranan etika budaya ini akan dapat lebih memahami budaya lain, sebagai panduan pelajaran beretika seperti kod-kod beretika, memperkukuhkan norma-norma masyarakat, sosialisasi ahli-ahli masyarakat dan sebagainya.

Selain itu, konteks komunikasi dalam budaya yang berlainan juga perlu diambil berat disebabkan pemahaman budaya lain untuk penyesuaian diri dengan budaya tersebut akan dapat mempertingkatkan keberkesanan etika budaya dalam negara tersebut. Tambahan lagi, pemahaman agama negara lain turut perlu diambil perhatian untuk mencapai matlamat dan tujuan masing-masing dengan efektif.

Secara keseluruhannya, etika budaya perlu difahamkan dengan mendalam disebabkan dunia kita mengamalkan globalisasi dalam sebarang tujuan atau matlamat. Apabila semua orang mengetahui budaya lain akan dapat mengelakkan konflik yang tidak keinginan dan seterusnya dunia akan menjadi aman dan damai.

SOALAN LATIHAN

1. Jelaskan definisi etika dan kepentingan etika dalam konteks berkomunikasi.
2. Bezakan perspektif-perspektif etika.
3. Berikan beberapa contoh etika-etika dalam berkomunikasi.

RUJUKAN

- Abraham, E and John, D. (2001). *Ethical theory & social change: the evolution of John Dewey's ethics*. New Brunswick: Transaction.
- Aminum Amman. (1995). *Islam and Confucianism: A Civilizational Dialogue*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Buchholz, M. (1989). *Applied Ethics: A Multi Cultural Approach*. New Jersey: Prentice Hall.
- Catlin, L. (1994). *Culture, communication and conflict: readings in intercultural relations 2nd ed*. Boston: Pearson.
- Cahn, S. M and Markie, P. (1998). *Ethics History, Theory and Contemporary Issues, 2nd* New York: Oxford University Press Inc.
- Cruzer, H. J. (1999). *Ethical theory and moral problems*. Belmont: Wadsworth.
- Enhelis, J.P. (1989). *Culture and counterculture in Moroccan politics*. Boulder: Westview Press.
- Grassian, V. (1981). *Moral Reasoning: Ethical Theory and Some Contemporary Moral Problems*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall.
- Grassien, M. Montague, P. and White, R. (1992). *Communication Between Cultures*. California: Wadsworth Publishing.
- Goldberg, D.T. (1995). *Ethical theory and social issues: historical texts and contemporary readings*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Harris. (1992). *Business ethics in an Islamic context: perspectives of a Muslim business leader*. Chicago: Business Ethics Quarterly.
- Jaksa J.A., & Pritchard M.S. (1994). *Contemporary ethics selected readings*. United States of America: Prentice Hall.
- Johns, G. (1996). *Culture and global change*. London: Routledge.
- Kitson, A and Robert, C. (1996). *The ethical organisation: ethical theory and corporate behavior*. Basingstoke: Macmillan Press.
- Kung, H. (1997). *A global ethic in an age of globalization*. Chicago: Business Ethics Quarterly.
- Martinsons, M. G. and Westwood. R. I. (1997). *Management information systems in the Chinese business culture: an explanatory theory*. Information and Management.
- Solomon, R.C. (1984). *Introduction to ethics: persons social responsibility in a diverse world*. United States: Prentice Hall.
- Toffler, M. (1986). *Ethical theory*. Oxford: Oxford University Press.

- Thomassen. (1992). *Perspective in Business Ethics*. Chicago: Irwin.
- Wursanto, J. (1987). *Nonverbal Communication: The Unspoken Dialogue*. New York: Harper and Row.
- Yamaji, K. (1997). *A global perspective of ethics in business*. Chicago: Business Ethics Quarterly.
- Zulhilmi Paidi dan Asrar Omar. (2003). *Hubungan luar antarabangsa*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.

<http://dhamma-bm.tripod.com/am/etika.htm>

<http://www.geocities.com/Athens/Crete/6468/artikel159.html>

http://www.geocities.com/new_palakat/artikel/011.htm

<http://www.ikim.gov.my/cm-40.html>

<http://media.isnet.org/sufi/Opini/Etika.html>

http://www.kominfo.go.id/berita_detail.asp?id=206

<http://www.keuskupanbogor.org/vdokumen/>

<http://www.pesantrenvirtual.com/ikhtilaf/0061.html>

<http://www.pesantrenvirtual.com/tanya/124.html>

<http://www.tenderdirect.com.my/bm>

<http://www.uum.edu.my/pp/etika3043.html>

<http://www.communication-ethics.org.uk/>